

20 MAY 1999

Annuar-Kamaruddin

ANNUAR AKAN TEMUI KAMARUDDIN BAGI BINCANG CUTI

KOTA BAHARU, 20 Mei (Bernama) -- Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa akan bertemu dengan Ketua Umno bahagian Tumpat, Datuk Kamaruddin Jaafar bagi membincangkan permohonan cutinya.

Annuar berkata pertemuan itu akan dibuat dalam masa terdekat ini bagi membolehkan Kamaruddin menjelaskan secara terperinci sebab-sebab permohonan cutinya.

"Pertemuan ini amat penting untuk mengetahui apa sebenarnya yang berlaku ke atas Kamaruddin yang ingin bercuti sedangkan khidmat beliau amat diperlukan ketika ini," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan Pemuda UMNO Kelantan di sini, hari ini.

Annuar, yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata pada dasarnya beliau tidak bersetuju seseorang ketua bahagian bercuti tetapi mungkin ada alasan menyebabkan Kamaruddin ingin berbuat demikian.

Katanya beliau akan memaklumkan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hasil pertemuan itu.

"Terpulanglah kepada pucuk pimpinan parti untuk membenarkan atau tidak (cuti Kamaruddin) selepas itu," katanya.

Menurutnya timbalan ketua bahagian itu, Mansor Salleh, telah menjalankan tugas-tugas Kamaruddin buat seketika mulai 1 Mei lepas.

Sementara itu, Annuar meminta pemimpin PAS melawat sendiri ke kawasan tanah tinggi Lojing bagi membuktikan kebenaran bahawa kawasan berkenaan telah terhakis teruk.

"Jangan membuat sebarang kenyataan tanpa pergi melihat sendiri dan mendakwa pula kerajaan pusat menggembar-gemburkan isu itu," katanya.

Beliau berkata hakisan di Lojing adalah berdasarkan gambar yang diambil daripada satelit sebelum ini.

Semalam, Timbalan Menteri Besar Kelantan, Abdul Halim Abdul Rahman menafikan tuduhan berhubung pencemaran di Lojing dan menganggap ia sengaja digembar-gemburkan.

Annuar juga berkata Pergerakan Pemuda Umno Kelantan akan mengadakan sebanyak 43 siri kursus sehingga Ogos ini kepada semua anggotanya bagi memperkuatkan parti menjelang pilihan raya umum.

"Kemuncaknya akan diadakan Jambori Umno Kelantan pada 31 Ogos," katanya sambil meminta pergerakan pemuda itu menggiatkan usaha memberi kefahaman terutama kepada pelajar universiti yang menentang kerajaan mengenai keadaan sebenar negara.

-- BERNAMA

ZI ANM NAK